

Headline	Kerajaan negeri, FRIM buat penilaian pokok berisiko		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	19 Oct 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,324
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,972



Kerajaan negeri, FRIM buat penilaian pokok berisiko

GONG BADAK - Kerajaan negeri bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) bagi menilai semua pokok di sekitar jalan utama dan kawasan rekreasi supaya tindakan bakal diambil memberi manfaat kepada semua pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, penilaian itu dibuat bagi mengambil kira keselamatan orang awam dan faedah pokok ditanam kepada persekitaran.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan FRIM akan bekerjasama untuk buat penilaian terhadap semua pokok yang berisiko kerana pihaknya tidak boleh mengambil tindakan drastik dengan terus menebang.

"Beberapa pegawai FRIM sudah datang ke sini (Terengganu) untuk buat penilaian dan keputusan akan dibuat dalam masa terdekat," katanya pada Majlis Kacau Syura Perdana Daerah Kuala Nerus di perkarangan Kompleks Sukan Negeri,



Ahmad Razif (dua, kiri) meletakkan hiasan pada bubur asyura.

di sini, semalam.

Ahmad Razif berkata, ada setengah pokok beri manfaat kepada persekitaran termasuk membekalkan oksigen dan sebagainya.

"Buat masa ini PBT sedang giat mencantas dan membersihkan pokok di jalan utama supaya keselamatan awam lebih terjamin. Bagi yang kurang berisiko akan dirapikan dengan mencantas dahan tidak diperlukan," katanya.

Kerajaan negeri sebelum ini

mengarahkan PBT segera menebang dan mencantas dahan pokok berisiko di semua jalan utama susulan kes dua maut, manakala tiga lagi cedera apabila kenderaan dinaiki mereka dihempap pokok di Jalan Batu Rakit berdekatan Kampung Mengabang Lekar, 7 Oktober lalu.

Dalam insiden itu, seorang calon SPM dan pemandu van Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Batu Rakit maut di lokasi kejadian.